

MEMPERKENALKAN DUIT SYILING MALAYSIA SIRI KETIGA



Bertemakan 'Keunikan Malaysia', reka bentuk duit syiling siri baharu ini mendapat inspirasi daripada ciri-ciri unik yang mencorak budaya dan warisan negara yang mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan identiti bangsa Malaysia. Duit syiling baharu ini akan berada dalam edaran bersama-sama dengan duit syiling sedia ada mulai **16 Januari 2012**.



Duit syiling 50 sen **Sulur Kacang**

Motif sulur kacang pada duit syiling 50 sen baharu ini amat terkenal kerana sering digunakan oleh para pengukir dalam seni ukiran kayu dan perak mereka.

Duit syiling 20 sen **Bunga Melur**

Bunga melur yang mendapat tempat istimewa dalam kebudayaan tiga kaum utama di Malaysia dipaparkan pada duit syiling 20 sen baharu.

Duit syiling 10 sen **Motif Orang Asli**

Warisan orang asli di Malaysia diabadikan dalam bentuk corak anyaman unik suku kaum Mah Meri pada duit syiling 10 sen baharu.

Duit syiling 5 sen **Destar Siga**

Destar siga yang merupakan sejenis tenunan kain asli suku kaum Kadazan Dusun di Sabah, menjadi corak pada bahagian hadapan duit syiling 5 sen baharu.

